

# al-Iqyad

JOURNAL OF ISLAMIC AND CONTEMPORARY ISSUES

E-ISSN 2650-1992

**VOL. 8, NO. 2 (2023)**



## Geometrics in the Illumination of Terengganu Quran Manuscript (L.M.N.T 2002.1)

Omar, M., Ibrahim, M., Abdullah, I., Yaakub, R., Mohd Razali, H., Md Hashim, S. F., Daud, M. Z., & Jakaria, R. B.

1107-1118

## The Relevance of *al-Kay's* Treatment according to the Perspective of Prophetic Hadith

Usman, A. H., Muhammad Noor, U., & Azwar, A.

1119-1131

## Research on Thematic Exegesis in Malaysia: A Literature Review from 2019 to 2023

Nasir, N., Hussin, H., Ahmad, M. N., & Qadafy, M. Z.

1132-1145

## Sayyid Quṭb and His Methodology in Dealing with the Verses Related to Prophetic History: An Analytical Study in His Exegesis "Fī Zilāl al-Qur'ān"

Ismail, M. A., Abuzaed, W. A., & Mohd, N.

1146-1165

## Zakat Capital Assistance Programme for Asnaf Entrepreneurs: Issues and Challenges

Zuhairah, I. A., Taha, R., Hamzah, M. A., Salleh, Z., Ahmad, N., Azmi, R., & Gambo, M. H.

1166-1177

## *al-Kināyah* Approach in Communication of Rasulullah (PBUH)

Hussin, M., Seman, H. M., Pa, M. T., Sapar, A. A., Mohd Rifain, S. R., & Yoyo, Y.

1178-1192

## The Dignity of *al-Mawḍūʿī's* Approach to Tafsir in the Writing of Tafsir in the Era of Globalization


Abu Bakar, S., Hussin, H., Wan Abdullah, W. N., & Nur, A.

1193-1204

## The Topics of Islamic Literature in the Literary Works of Yūsuf al-'Azm

Mohamad Zainol, N. F., Ahmad H. Osman, R., & Abdel Nasser Saeed, S.

1205-1222



Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilisation Studies,  
Universiti Islam Selangor (UIS)**  
Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia  
603-8911 7167 +603-8925 4402  
info@kuis.edu.my  
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad>

---

# Isu dan Cabaran dalam Pengurusan Program Bantuan Modal Zakat untuk Usahawan Asnaf


## *Zakat Capital Assistance Programme for Asnaf Entrepreneurs: Issues and Challenges*

Ibrahim Afiqah Zuhairah, Roshaliza Taha, Mimi Aizreen Hamzah, Zalailah Salleh, Norsiah Ahmad, Riswadi Azmi, & Musa Hamisu Gambo

To cite this article:

Zuhairah, I. A., Taha, R., Hamzah, M. A., Salleh, Z., Ahmad, N., Azmi, R., & Gambo, M. H. (2023). Isu dan cabaran dalam pengurusan program bantuan modal zakat untuk usahawan asnaf. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(2), 1166-1177. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.391>

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.391>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:



<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/open>



Published online: 29 December 2023



Submit your article to this journal:

<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>



View related articles:

<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>


---

### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

This is an open access article under the CC BY-NC license.





## Isu dan Cabaran dalam Pengurusan Program Bantuan Modal Zakat untuk Usahawan Asnaf

### *[Zakat Capital Assistance Programme for Asnaf Entrepreneurs: Issues and Challenges]*



Ibrahim Afiqah Zuhairah<sup>1</sup>, Roshaliza Taha <sup>1\*</sup>, Mimi Aizreen Hamzah<sup>1</sup>, Zalailah Salleh<sup>1</sup>, Norsiah Ahmad<sup>2</sup>, Riswadi Azmi<sup>3</sup>, & Musa Hamisu Gambo<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Business, Economics and Social Development, Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

<sup>2</sup> Faculty of Business and Management, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, MALAYSIA.

<sup>3</sup> Centre for Fundamental and Continuing Education, Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

<sup>4</sup> Aminu Kano College of Islamic and Legal Studies, Kano, B.U.K Road, Kano P.O Box 6032, Kano, NIGERIA.

\* Corresponding Author: Assoc. Prof. Dr. Roshaliza Taha, Faculty of Business, Economics and Social Development, Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, Malaysia.  roshaliza@umt.edu.my.  (+60) 14-266 2154. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0002-8391-7206>.

#### **Keywords:**

Zakat, Zakat Capital Assistance Programme (ZCAP), Entrepreneurs, Asnaf.

#### **ABSTRACT**

Zakat Capital Assistance Program (ZCAP) is a method employed to allocate zakat funds with the aim of enhancing the quality of life of the recipients. It entails providing financial aid without requiring the recipients to repay the funds. Despite the considerable advantages offered by this program, the number of applications for zakat assistance in the capital assistance category is comparatively lower than those for cash assistance. Consequently, the purpose of this research is to investigate the factors and challenges associated with the ZCAP from the perspective of both zakat officers and recipients. This study employs a qualitative approach, utilizing a structured interview tool to engage with the participants. Through interviews conducted with zakat officials and selected recipients, it was determined that attitudes, knowledge regarding financial records, and the structure of the ZCAP itself are among the influential factors that determine the success or failure of the program. The research findings indicate that the ZCAP has the potential to assist the asnaf, although there is room for improvement in order to achieve a more profound impact through this initiative. This study aims to provide valuable insights for the enhancement of the ZCAP implementation, ultimately fostering the emergence of successful Muslim entrepreneurs.

#### **Kata Kunci:**

Zakat, Program Bantuan Modal Zakat (PBMZ), Usahawan, Asnaf.

#### **ABSTRAK**

Program bantuan modal zakat (PBMZ) merupakan salah satu kaedah pengagihan wang zakat dengan objektif untuk meningkatkan kualiti hidup penerima. Ia merupakan bantuan modal yang diberikan tanpa penerima perlu membayar balik wang yang diperolehi. Walaupun program ini memberi manfaat yang besar kepada penerima, jumlah permohonan bantuan zakat di bawah kategori bantuan modal adalah lebih rendah berbanding dengan

permohonan bantuan tunai. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji isu dan cabaran program bantuan modal zakat dari perspektif pegawai zakat dan penerima bantuan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual berstruktur di mana penyelidik bertemu dengan peserta kajian. Berdasarkan sesi temu bual yang dijalankan bersama pegawai zakat dan penerima yang terpilih, didapati sikap, pengetahuan mengenai rekod kewangan dan struktur PBMZ sendiri adalah antara faktor penentu kejayaan dan kegagalan program. Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati PBMZ mempunyai keupayaan untuk membantu golongan asnaf. Namun begitu, terdapat ruang untuk penambahbaikan untuk menghasilkan impak yang lebih mendalam daripada inisiatif ini. Diharap perbincangan yang diberikan dalam kajian ini dapat memberi sedikit gambaran tentang penambahbaikan bagi pelaksanaan PBMZ dalam membantu untuk melahirkan lebih ramai usahawan Muslim yang berjaya.

#### ARTICLE HISTORY

Received: July 25, 2023

Accepted: December 04, 2023

Online Published: December 29, 2023

This is an open access article under the CC BY-NC license.



#### To cite this article:

Zuhairah, I. A., Taha, R., Hamzah, M. A., Salleh, Z., Ahmad, N., Azmi, R., & Gambo, M. H. (2023). Isu dan cabaran dalam pengurusan program bantuan modal zakat untuk usahawan asnaf. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(2), 1166-1177. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.391>

## I. PENDAHULUAN

Kemiskinan dan kekurangan nutrisi adalah antara isu global yang menjadi tumpuan dewasa ini. Isu ini telah menarik minat penyelidik bagi mencari jalan penyelesaian walaupun untuk menghapuskannya adalah suatu perkara yang agak mustahil. Namun usaha tersebut sekurang-kurangnya dapat mengurangkan masalah ini (Botreau & Cohen, 2020; Ranta, Mulrooney, & Bhakta, 2022; Rivera et al., 2021). Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang digubal pada tahun 2015 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan objektif untuk mewujudkan rangka kerja pembangunan masa depan menjelang 2030 turut menangani isu tersebut. Antara agenda penting dalam matlamat ini adalah memerangi kemiskinan dan mewujudkan dunia yang bebas daripada kelaparan. Agenda ini diketengahkan di bawah SDG1: Tiada Kemiskinan dan SDG:2 Sifar Kelaparan. Seiring dengan itu, misi kemanusiaan telah dilaksanakan ke arah mencapai sasaran ini (Pakkan, Sudhakar, Tripathi, & Rao, 2023). Menurut Kroll, Warchold dan Pradhan (2019), dan Mayer-Foulkes, Serván-Mori dan Nigenda (2021), usaha murni ini mendapat sokongan penuh dari pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan untung (NGO), institusi agama, malah individu berkemampuan dalam memastikan semua diberi peluang untuk hidup dengan sekurang-kurangnya keperluan asas; makanan, tempat tinggal, pakaian atau akses kepada pendidikan. Isu ini menjadi semakin serius berikutan penularan wabak penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) dari tahun 2020 hingga awal 2022. Walau bagaimanapun, usaha untuk menangani isu ini masih lagi diteruskan.

Dalam Islam, agihan zakat merupakan salah satu medium untuk merealisasikan agenda ini dan mencapai matlamat yang dihasratkan (Widiastuti, Auwalin, Rani, & Ubaidillah Al Mustofa, 2021). Terdapat beberapa cara pendekatan bagi agihan zakat. Pengagihan zakat yang paling popular dan biasa dikenali ialah pengagihan tunai sama ada berbentuk 'one-off' atau bantuan wang saku bulanan (Hambari, Arif, & Zaim, 2020). Pendekatan ini hanya mampu menyelesaikan isu kemiskinan bagi jangka masa pendek dan kadar kebergantungan penerima terhadap institusi zakat adalah sangat tinggi. Antara kaedah agihan yang berpotensi dalam mentransformasikan kehidupan asnaf adalah melalui program bantuan modal zakat (PBMZ). Matlamat PBMZ adalah untuk menyediakan modal awal kepada penerima sama ada untuk mengusahakan perniagaan

baharu atau mengembangkan perniagaan sedia ada. Keberkesanan pengagihan di bawah pendekatan ini turut diketengahkan oleh [Shiyuti dan Al-Habshi \(2018\)](#), dan [Harun dan Rahman \(2021\)](#).

Walaupun PBMZ mempunyai banyak kelebihan dalam mengubah kualiti hidup asnaf, minat terhadap bantuan ini masih berkurangan ([Mahmood, Mamun, & Ibrahim, 2020](#)). Lambakan permohonan bagi bantuan zakat lebih menjurus kepada permohonan untuk bantuan tunai segera. Oleh itu, kajian menyeluruh perlu dilaksanakan untuk mencari faktor mengapa bantuan sedemikian tidak begitu popular berbanding mekanisme pengagihan yang lain. Kenapa asnaf lebih cenderung kepada bantuan tunai? Ini adalah fokus bagi kajian ini. Secara spesifik, objektif kajian ini adalah untuk melihat dengan terperinci isu dan cabaran dalam pengurusan PBMZ dengan mengambil kira sudut pandangan institusi zakat dan penerima. Secara kasar, sikap dan komitmen sebaik sahaja wang diterima menjadi faktor penolakan asnaf terhadap PBMZ.

## 2. SOROTAN LITERATUR

Zakat dan agama adalah saling berkait antara satu sama lain ([Fadil, Daud, & Jamaludin, 2022](#)). Zakat merujuk kepada pembahagian sebahagian daripada harta seorang Muslim kepada yang berhak menerimanya. Zakat bukanlah caj secara paksa atau bentuk sedekah yang sembarangan. Zakat adalah sesuatu pembahagian yang diperintahkan oleh Allah SWT untuk ditunaikan. Oleh itu, ia adalah satu kewajipan dan bukannya cara untuk menunjukkan kebaikan ([Ghaderi, Hall, Scott, & Béal, 2020](#)). Menurut Surah al-Tawbah [9] ayat 60, hanya penerima yang ditetapkan atau dikenali sebagai asnaf sahaja yang layak menerima zakat. Penerima zakat yang ditetapkan dikenal pasti dalam lapan kategori penerima, seperti fakir, miskin, pentadbir zakat, muallaf, hamba dan tawanan, orang yang berhutang, orang yang berperang kerana Allah SWT, dan musafir. Allah SWT berfirman dalam surah al-Tawbah [9] ayat 60:

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرْمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya sedekah itu hanya diberikan kepada orang-orang fakir, orang-orang miskin, orang-orang yang bekerja untuk menagihnya, kepada orang-orang yang hatinya ingin dimenangkan, untuk kepentingan budak dan orang-orang yang dibebani hutang, di jalan Allah SWT dan kepada orang yang dalam perjalanan. Ini adalah kewajipan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Allah SWT Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

Abū al-Fiḍā' 'Imād ad-Dīn Ismā'īl ibn 'Umar ibn Kathīr, atau lebih dikenali sebagai Imam Ibn Kathīr (701/1301-774/1374) ketika mentafsirkan surah al-Tawbah [9] ayat 60 ini menyatakan bahawa selepas Allah SWT menyebutkan bantahan orang-orang munafik yang bodoh kepada Nabi SAW serta celaan mereka kepada Baginda SAW dalam pengagihan harta zakat, maka Allah SWT menjelaskan bahawa Dia yang membahagikannya dan menjelaskan hukum serta mengaturkan urusannya. Allah SWT tidak akan menyerahkan hal tersebut kepada siapa pun ([Ibn Kathīr, 1999](#)). Maka Allah SWT menyerahkan kepada mereka yang telah disebutkan dalam ayat ini. Dari segi bahasa, zakat bermaksud kebersihan, kesucian, kesuburan, keberkahan, dan pertumbuhan. Konotasi kebersihan dan kesucian berhubung dengan zakat adalah membersihkan harta benda dan mencegah orang kaya daripada bersifat bakhil dan jahil. Dari sudut undang-undang, menurut [Dewi, Manochin dan Belal, \(2019\)](#), zakat ditakrifkan sebagai satu perbuatan memperuntukkan bahagian tertentu daripada harta seseorang untuk diberikan kepada individu yang berhak (asnaf) setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak. [Shaharuddin, Abd Hamid dan Sungit \(2017\)](#), menerangkan dengan terperinci tentang konsep zakat kepada muallaf. Zakat merupakan pembayaran wajib ke atas orang Islam yang kaya kepada golongan kurang berkemampuan yang digelar sebagai asnaf. Kriteria menentukan lapan kategori yang layak telah diterangkan dalam banyak kajian dan jadual di bawah menerangkan kriteria lapan golongan yang layak menerima zakat ([Aziz, Mansor, Waqar, & Haji Abdullah., 2020](#)).

### Jadual 1

#### Kategori Asnaf dan Huraian

Kategori	Penerangan
Fakir	Orang Islam yang sama ada tidak mempunyai harta atau pendapatan, atau yang mempunyai tetapi tidak mencapai ambang 50% untuk sara diri dan tanggungan mereka.

Miskin	Orang Islam yang tidak memenuhi had kifayah tetapi mempunyai harta atau pendapatan yang hanya mampu memenuhi lebih separuh daripada keperluan mereka dan tanggungan mereka.
Para pentadbir	Kumpulan yang ditetapkan untuk mengawasi zakat, termasuk memungut dan mengagihkan, bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan atau pemerintah.
Mualaf	Seseorang yang baru memeluk Islam, seseorang yang telah dilembutkan hatinya dalam kalangan orang bukan Islam, seseorang yang perlu ditarik kepada Islam, seseorang yang mesti bersedia untuk membela orang Islam, atau seseorang yang perlu dilindungi daripada kekejaman yang dilakukan terhadap orang Islam.
Hamba dan tawanan	Seseorang yang menghadapi halangan untuk menjalani kehidupan yang lebih baik kerana terikat dengan satu kuasa atau keadaan.
Para penghutang	Umat Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungannya atau kepentingan masyarakat serta tidak mampu membayar.
<i>Fi sabilillah</i>	Perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan mempertahankan agama Allah SWT.
Musafir	Orang Islam yang kehabisan wang sebelum memulakan perjalanan atau semasa dalam perjalanan yang memberi manfaat kepada mereka dan mematuhi undang-undang Syariah hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut.

Sumber: (Zulkifli, Taha, Mohd Nor, & Ali, 2021)

Agihan zakat dibahagikan kepada kategori berdasarkan bagaimana wang itu digunakan, sama ada untuk pengeluaran atau penggunaan (Mahmood, Din, Al Mamun, & Ibrahim, 2021). Agihan zakat untuk kegunaan atau agihan melalui pemberian tunai kepada asnaf yang layak berlaku dalam tempoh yang agak lama dan berterusan. Walau bagaimanapun, kaedah pengagihan sebegini dilihat tidak mampu menyelesaikan isu kemiskinan dan wang yang diberikan kepada asnaf hanya bertahan dalam tempoh yang singkat. Pemberian zakat untuk sara hidup dianggap sebagai bantuan tidak produktif kerana ia tidak menghasilkan apa-apa pendapatan, sebaliknya hanya membantutkan usaha untuk berbuat demikian (Harun & Rahman, 2021).

Berfokuskan kepada Malaysia, sehingga kini, institusi zakat secara agresif mempromosikan pengagihan di bawah PBMZ. Kaedah agihan zakat ini disifatkan sebagai bantuan kewangan yang berkesan membantu asnaf mengembangkan perniagaan kecil mereka yang akan menjana pendapatan lebih tinggi secara tidak langsung dapat meloloskan diri daripada kemiskinan. Objektif utama PBMZ adalah untuk meningkatkan taraf hidup sosioekonomi asnaf melalui pemberian bantuan kewangan kepada orang Islam yang miskin dan daif. PBMZ juga dilihat sebagai pengganti pembiayaan mikro, kecuali ini ialah program bantuan modal di mana penerima tidak perlu membayar balik jumlah yang diterima (Adnan et al 2019a; Adnan et al, 2019b; Martiana, Panena & Fuadi, 2022). Bantuan kewangan mikro kepada golongan miskin yang memerlukan telah dibuktikan berkesan dalam membantu mereka menyelesaikan isu kewangan di beberapa buah negara. Unikunya PBMZ ialah penerima yang berjaya dimasa akan datang bertukar status kepada pembayar zakat. Saripudin, Djamil dan Rodoni (2020), menegaskan bahawa penggunaan PBMZ sebagai program pembasmian kemiskinan dengan memberi zakat produktif kepada mereka yang memerlukannya sebagai modal perniagaan adalah berkesan dan mampu mengurangkan pengangguran.

Rosalina dan Bahri (2022), menegaskan Baitulmal Negeri Sembilan merupakan antara institusi pertama di Malaysia yang menawarkan bantuan modal menggunakan dana zakat kepada usahawan asnaf yang kurang berkemampuan. Ini membuktikan bahawa PBMZ bukanlah konstruk radikal di Malaysia, dan penyelidikan telah dilakukan untuk mengkaji sejarah program, kejayaan dan kegagalannya dalam membantu asnaf untuk memulakan perniagaan mereka seterusnya menjadi usahawan yang berjaya. Sejak itu, penambahbaikan telah dibuat untuk program ini. Di Selangor, PBMZ juga dikenali sebagai Program Keusahawanan Asnaf (AEP) di bawah pengurusan Lembaga Zakat Selangor (LZS) juga merupakan salah satu inisiatif yang dirangka untuk menggalakkan penyertaan asnaf dalam perniagaan dan keusahawanan. Banyak kisah kejayaan transformasi usahawan asnaf di bawah program ini telah didedahkan (Razali, Asmuri, & Yahaya, 2021). Program keusahawanan asnaf dibangunkan oleh LZS untuk menyokong dan menggalakkan asnaf berdikari. AEP dan PBMZ adalah program yang sama mempunyai tujuan untuk membantu usahawan asnaf menjana lebih banyak pendapatan, bekerja sendiri, memperbaiki keadaan kewangan mereka dengan meninggalkan pendapatan sedia ada yang tidak seberapa dan asnaf berpeluang berubah daripada berstatus mustahiq kepada muzakki. Orang Islam atau badan korporat wajib mengeluarkan zakat, manakala mustahiq ialah organisasi yang akan menerima zakat (Harun & Rahman, 2021).

Berdasarkan perbincangan di atas muncul istilah "usahawan mikro" atau "usahawan asnaf". Kedua-dua istilah boleh digambarkan sebagai pemilik perniagaan kecil yang menjalankan perniagaan mereka melalui bantuan kewangan daripada pelbagai organisasi (Din, Ismail, Muhammad, Rosdi, & Mahmood, 2019; Nadzri, Omar, & Rahman, 2017). Dana yang diperuntukkan ini dijangka dapat menampung perbelanjaan harian kedua-dua asnaf dan dapat membantu mereka keluar dari kategori asnaf (Shiyuti & Al-Habshi, 2018). Menjadi seorang usahawan boleh memudahkan golongan asnaf mempunyai kualiti hidup yang lebih baik. PBMZ dilihat menjadi batu loncatan dalam membantu merealisasikan hasrat asnaf menjadi usahawan memandangkan pemohon program ini tidak seramai permohonan bantuan tunai. Istilah "niat keusahawanan (NK)" merujuk kepada keutamaan seseorang untuk menubuhkan perniagaan atau mereka berkerja sendiri. NK boleh diterjemahkan sebagai kesediaan seseorang untuk memulakan projek baharu dan rancangan masa depan mereka (Ridha &

Wahyu, 2017). Chu, Bin, Yang, Zheng dan Li (2020), dan Liu, Lin, Zhao, dan Zhao (2019), menyatakan bahawasanya hasrat seseorang untuk melibatkan diri dalam tingkah laku keusahawanan ditentukan oleh keadaan mental dan pengalaman mereka sendiri. Dinyatakan bahawa niat merujuk kepada percubaan seseorang yang diunjurkan untuk melibatkan diri dalam tingkah laku yang dirancang dan disifatkan sebagai elemen motivasi yang mempengaruhi tingkah laku. Akibatnya, kemungkinan sesuatu perbuatan dilakukan adalah tinggi apabila niat untuk melakukannya semakin meningkat.

Di sebalik semua bantuan yang diberikan kepada usahawan asnaf, terdapat juga sejumlah besar kegagalan keusahawanan dalam kalangan asnaf (Mahmood, Din, Al Mamun, & Ibrahim, 2021). Menurut Adnan, Roselam, Hamat dan Furqani (2021), tingginya kegagalan usahawan asnaf untuk berjaya dalam perniagaan mereka kerana tiada rasa tanggungjawab, merasakan zakat adalah hak mutlak mereka dan mereka tidak mempunyai tekanan untuk membayar. Ini menimbulkan satu lagi isu, niat untuk berkembang. Din et al. (2019), menyatakan bahawa untuk menerima bantuan modal melalui PBMZ, penerima perlu mempunyai perniagaan. Niat untuk menjadi usahawan di sini mungkin disebabkan oleh keinginan untuk mendapatkan bantuan modal atau mereka benar-benar ingin mempunyai kehidupan yang lebih baik melalui perniagaan. Bagaimanapun, sebaik sahaja mereka menerima wang tersebut, bagaimana mereka menguruskan perniagaan bagi memenuhi objektif institusi zakat untuk membawa mereka keluar daripada golongan asnaf.

Untuk melihat perkara ini, wajar untuk mengaitkan perbincangan berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang. Di bawah teori ini, faktor seperti sikap sendiri terhadap keinginan tingkah laku, norma subjektif sendiri mengenai sikap tingkah laku, dan rasa kawalan tingkah laku sendiri semuanya memainkan peranan dalam membentuk niat individu untuk terlibat dalam tingkah laku itu. Faktor-faktor ini memang mempunyai kesan ke atas proses membuat keputusan, walaupun ada kemungkinan faktor tersebut tidak selalu diambil kira secara sedar atau aktif (Farrukh, Lee, Sajid, & Waheed, 2019). Niat keusahawanan dipengaruhi oleh sikap, kawalan tingkah laku yang dirasakan, dan norma sosial. Ini menunjukkan bahawa semakin kuat orang percaya tindakan mereka mengawal mereka ke arah matlamat yang ingin mereka capai, semakin besar kemungkinan tindakan mereka akan berjaya. Model teori ini dicadangkan digunakan untuk membantu membentuk niat untuk keusahawanan (Zaremohzzabieh et al., 2019).

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif melalui temu bual (Widiastuti, Cahyono, Zulaikha, Mawardi, & Mustofa, 2021) dengan usahawan asnaf terpilih dan pegawai zakat yang bertanggungjawab mengendalikan program PBMZ di salah sebuah negeri Wilayah Pantai Timur. Kawasan ini dipilih memandangkan terdapat pelbagai jenis bantuan modal diberikan namun hasil daripada bantuan ini masih belum dipantau kejayaannya. Oleh yang demikian penyelidik bersama PBMZ melaksana proses pemantauan untuk melihat keberhasilan. Bagi tujuan kajian ini, dua orang pegawai zakat dan enam orang usahawan asnaf telah ditemu bual bagi mendapatkan input bagi mencapai objektif kajian. Asnaf ini dipilih berdasarkan maklumat awal yang diisi oleh mereka yang terdiri daripada maklumat terperinci berkaitan perniagaan termasuk pendapatan bulanan dan tahunan.

Kajian ini bersifat awal di mana penyelidikan akan diteruskan untuk mendapatkan input daripada pegawai zakat seluruh Malaysia. Soalan temu bual telah melalui proses penilaian etika dan kesesuaian soalan turut disemak oleh kumpulan pakar yang dirujuk. Protokol temu bual terdiri daripada lima (5) bahagian. Bahagian 1 – soalan am, Bahagian 2 – penyebaran maklumat, Bahagian 3 – proses pemilihan, Bahagian 4 – pengurusan PBMZ dan Bahagian 5 – prestasi perniagaan asnaf. Soalan yang dibangunkan menjadi panduan sepanjang sesi temu bual. Pengumpulan data dilakukan oleh pasukan penyelidik dan semua sesi temu bual yang berlangsung sepanjang bulan Februari sehingga bulan Julai 2023 direkodkan sebagai tujuan triangulasi.

Selain itu, pemerhatian ke atas premis sewaktu sesi temu bual bersama peserta juga turut dibuat sepanjang bulan Februari dan Oktober pada tahun 2022. Data sokongan seperti rekod perniagaan, resit-resit yang disimpan turut dikumpul sebagai bukti dan dianalisis secara manual mengikut bahagian. PBMZ turut mengedarkan borang untuk mendapatkan maklumat peserta program. Setelah mendapat dokumen sokongan dan borang yang lengkap, maklumat-maklumat tersebut akan dimasukkan ke dalam Microsoft Excel untuk tujuan pengkelasan.

## 4. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Umum

Asnaf memulakan perniagaan mereka dengan modal yang kecil. Mereka bersetuju bahawa PBMZ adalah alat berkesan yang dibangunkan oleh institusi zakat dalam membantu golongan asnaf mendapatkan kualiti hidup yang lebih baik. Mereka diberi peluang besar untuk memartabatkan perniagaan dengan bantuan modal yang diberikan oleh institusi zakat (Choudhury & Harahap, 2009; Din et al., 2019; Halim, Said, & Yusuf, 2012; Hassan & Rom, 2016). Menurut Hassan (2015), dari sudut institusi zakat, mengurus PBMZ bukanlah satu tugas yang mudah. Dana yang dikumpul hendaklah dikendalikan dengan baik dan setiap asnaf yang layak diberi hak untuk memohon PBMZ. Malah, pengagihan wang zakat tidak boleh dibuat hanya berdasarkan permohonan daripada asnaf. Institusi zakat juga perlu memastikan mereka juga dapat menangani keperluan asnaf semasa kejadian yang tidak pernah berlaku seperti banjir besar, penularan wabak kesihatan dan kebakaran besar yang menjejaskan asnaf.

Di samping itu, pegawai zakat mengatakan bahawa pengagihan di bawah PBMZ paling kurang popular kerana hakikatnya penerima perlu berusaha sepenuhnya untuk mendapatkan pendapatan mereka, tidak seperti pengagihan tunai yang kadangkala golongan asnaf boleh mendapatkan bantuan dengan kerap secara asasnya tanpa sebarang usaha untuk mendapatkannya. Ini boleh dikaitkan dengan sikap asnaf yang tidak sanggup bekerja untuk mendapatkan pendapatan dan mereka juga tidak mahu mengambil risiko kegagalan (Bahri & Arif 2020; Mahmood et al., 2020; Mustafida, Kurnia, Fauziah, Subri, & Faiz, 2020). Berikut merupakan maklum balas yang diberikan oleh asnaf dalam sesi temu bual.

Jadual 2  
Penyataan Asnaf tentang PBMZ

Asnaf	Pernyataan PBMZ
Asnaf 1	Saya menerima bantuan modal dan membelanjakan modal tersebut untuk perniagaan pembuatan perabot. Saya mendapati bantuan modal yang diberikan oleh pihak zakat membantu saya untuk membeli mesin ketam kayu di mana mesin ini dapat memudahkan dan mengurangkan masa untuk menyiapkan setiap perabot. Mesin ini bernilai RM2,500. Bantuan modal amat membantu saya menambah modal untuk perniagaan. Modal yang sedia ada dapat digunakan untuk membeli barangan perkakasan seperti paku, dan kayu.
Asnaf 2	Saya menerima bantuan modal dan membelanjakan modal tersebut untuk perniagaan kedai makan. Saya mendapati bantuan modal yang diberikan oleh pihak zakat membantu saya untuk membeli peralatan dan perkakas di kedai makan seperti kerusi, periuk, dan peralatan makanan. Untuk pengetahuan puan, kedai makan saya berada di kawasan berpotensi banjir. Jika pada tahun itu berlakunya banjir teruk, kedai makan saya akan mengalami kerosakan dan kesemua barangan kedai dihanyutkan oleh banjir.
Asnaf 3	Saya menjalankan perniagaan dan perkhidmatan barangan elektrik. Saya merancang untuk mempunyai stok barangan elektrik sendiri di kedai. Malangnya kerana kekurangan modal menyebabkan saya tidak dapat meneruskan hasrat saya. Bantuan diberikan oleh pihak zakat tidak mencukupi kerana jumlah untuk satu barangan elektrik telah melebihi jumlah yang diberi.
Asnaf 4	Saya menjalankan perniagaan makanan pagi di mana saya menyediakan makanan di rumah dan menghantar di gerai dan kedai berhampiran rumah. Saya menerima bantuan modal, ia membantu dalam menambahkan modal saya. Namun begitu, saya mempunyai masalah dengan menguruskan modal dan perniagaan di mana saya merasakan kesulitan untuk pusingan modal. Saya terpaksa mencari duit tambahan untuk meneruskan perniagaan.
Asnaf 5	Saya merupakan peniaga gerai kuih namun setelah beberapa lama mengumpul modal saya dapat membuka kedai makan berhampiran pejabat. Bantuan modal yang dulu mencukupi bagi saya kini tidak dapat menampung pengurusan kedai kerana saya memerlukan modal yang besar untuk menguruskan kedai. Keperluan seperti vaksin untuk pengendali makanan, lesen dan permit berniaga, suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sewa premis dan bil utiliti premis juga perlu saya selesaikan. Jadi jumlah bantuan modal yang kecil tidak dapat membantu saya.

Sumber: Kajian Penulis

Berdasarkan maklum balas yang diberikan dapat dilihat variasi maklum balas tentang keupayaan bantuan yang diberikan dalam membantu asnaf.

### 4.2 Penyebaran Maklumat

Ketika ditanya bagaimana asnaf mendapat maklumat berkenaan PBMZ, asnaf menyatakan ia diperolehi sama ada melalui maklumat mulut ke mulut daripada rakan atau saudara mara, melalui penerangan daripada pegawai zakat semasa memohon dana zakat atau melalui laman web institusi zakat. Menurut mereka laman web ini agak

mesra pengguna dan mudah diakses. Tucker dan Zhang (2011), mendapati bahawa seseorang individu akan dipengaruhi oleh penyebar maklumat dari mulut ke mulut kerana individu cenderung untuk mencontohi keutamaan dan sudut pandangan kenalan mereka. Zhang, Sun, Wang dan Wu (2022), pula dalam kajiannya membahaskan kefahaman tentang bagaimana maklumat dari mulut ke mulut membentuk persepsi dan proses membuat keputusan individu. Butiran program telah disenaraikan dengan jelas dalam laman web. Sharma dan Lijuan (2015), mengkaji kesan kualiti perkhidmatan dalam talian, merangkumi kepuasan pengguna, di laman web e-dagang. Mereka menegaskan bahawa tapak web yang mudah dilayari merupakan elemen penting dalam kualiti perkhidmatan dalam talian, dan kesannya terhadap pengguna laman web yang mesra pengguna. Asnaf juga boleh merujuk kepada cawangan institusi zakat terdekat untuk mendapatkan maklumat berkenaan PBMZ.

#### **4.3 Proses Pemilihan**

Seperti yang dinyatakan sebelum ini menguruskan wang zakat hendaklah dibuat dengan bijak. Pegawai yang bertanggungjawab dalam aktiviti pengagihan zakat berisiko tinggi dituduh salah urus dana zakat jika tidak mematuhi prosedur pengagihan (Abai, Awang, Yusoff, Majid, & Hamli, 2020; Saad, Aziz, & Sawandi, 2014; Wahyuni, Haron, & Fernando, 2021). Petugas zakat di ibu pejabat dibantu oleh wakil di setiap kawasan untuk mengendalikan proses saringan pemohon. Beginilah cara pengurusan untuk memutuskan penerima yang layak untuk PBMZ. Mereka juga mempunyai garis panduan yang betul tentang proses pemilihan. Antara syarat yang diberikan ialah asnaf harus sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman walaupun sebagai pembantu dalam perniagaan. Namun begitu, pegawai zakat yang ditemu bual sedar bahawa asnaf kadangkala merasakan mereka ditolak tanpa alasan yang kukuh.

Dari sudut pandangan asnaf, salah seorang asnaf ada menyebut bahawa terdapat banyak kerumitan dalam memohon PBMZ. Mereka diminta oleh institusi zakat untuk memberikan maklumat terperinci tentang potensi perniagaan dan bagaimana merancang untuk menjalankan perniagaan. Salah satu tuduhan serius oleh asnaf ialah mereka perlu mengenali "seseorang" di institusi zakat sebelum berjaya mendapatkan bantuan zakat. Walau bagaimanapun, ini telah ditolak oleh responden lain dengan mengatakan bahawa mereka gembira dengan cara pengurusan zakat mengendalikan proses pemilihan. Mereka berjaya terpilih apabila dapat memberikan semua bukti kepada institusi zakat.

#### **4.4 Pengurusan PBMZ**

Terdapat senarai panjang penerima di bawah PBMZ yang memerlukan pegawai zakat menghabiskan sebahagian besar masa mereka di luar pejabat untuk memantau penerima. Pada peringkat awal kelulusan, penerima akan diberikan kursus pendek untuk melatih mereka tentang teknik menjalankan perniagaan daripada usahawan yang berjaya. Pemantauan seterusnya tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan kakitangan. Justeru, institusi zakat tidak dapat melihat secara langsung perkembangan atau kejayaan perniagaan penerima PBMZ. Sama ada berjaya atau gagal, mereka mungkin tidak mengetahui situasi sebenar prestasi asnaf dalam perniagaan mereka (Djaghballou, Djaghballou, Larbani, & Mohamad, 2018; Islam, Mitu, Munshi, & Khanam, 2022; Triatmo, Karsidi, Kartono, & Suwanto, 2020; Widiastuti et al. 2021).

Penerima PBMZ yang ditemu bual amat bersetuju dengan pendedahan institusi zakat di atas. Pemilik yang mempunyai prestasi perniagaan yang lemah atau telah berhenti secara kekal turut menyebut bahawa institusi zakat tidak menyedari keadaan mereka. Mereka hanya bermotivasi dalam tempoh yang singkat selepas latihan diberikan dan terpaksa menutup perniagaan mereka kerana COVID-19. Bagaimanapun, nama mereka masih dalam senarai pemilik perniagaan yang aktif berdasarkan rekod institusi zakat. Terdapat tiga (3) pemilik perniagaan yang berjaya yang penyelidik dapat sebagai responden kajian ini. Walaupun tanpa bimbingan dan pemantauan yang sewajarnya daripada institusi zakat, mereka masih mampu untuk berjaya dalam perniagaan. Mereka juga bersetuju keperluan pemantauan rapi dan latihan berterusan perlu disediakan untuk meningkatkan kemahiran pengurusan perniagaan.

#### **4.5 Prestasi Perniagaan Asnaf**

Asnaf menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dan kebanyakannya di bawah industri makanan. Salah satu soalan yang ditanya ialah bagaimana mereka menjejaki pendapatan dan perbelanjaan mereka. Masalah yang dikenalpasti adalah tiada seorang pun daripada penerima menyimpan rekod pendapatan dan perbelanjaan mereka dengan betul. Mereka tidak memisahkan perbelanjaan peribadi dan perniagaan. Mereka juga tidak tahu cara membuat kos yang betul untuk melihat sama ada mereka menjalankan perniagaan secara untung atau rugi. Semua penerima mengakui kekurangan kemahiran mereka untuk menyediakan akaun mereka walaupun

maklumat ini telah diberikan melalui latihan. Satu-satunya petunjuk yang membuktikan kejayaan apabila mereka mempunyai wang yang cukup untuk perbelanjaan harian mereka dan untuk menampung sewa dan angsuran kereta. Ini menjadi faktor utama yang menghalang kejayaan asnaf dalam memajukan perniagaan mereka (Abdullah & Saipai, 2018; Ahmed, Johari, & Abdul Wahab, 2017).

Penerima PBMZ paling berjaya yang ditemuduga berjaya mengembangkan perniagaannya dengan menjalankan dua restoran mini dan mengupah lima pekerja dengan gaji harian daripada RM30 hingga RM50 sehari. Ditanya tentang resipi kejayaannya, beliau menyatakan bahawa niat pertama menjalankan perniagaan makanan adalah untuk membantu suami yang kurang upaya menyara keluarga, dan apabila berjaya dia mahu membantu orang lain dengan mengupah orang kampung untuk bekerja dengannya. Dia juga mencari cara untuk mengembangkan perniagaan dan meminta untuk dikeluarkan daripada senarai asnaf. Walau bagaimanapun, masalah yang sama dihadapi oleh asnaf tersebut di mana tiada rekod yang lengkap tentang penyata kewangan disediakan (Alam, Sari, & Hakim, 2022).

## 5. KESIMPULAN

Penilaian Program Bantuan Modal Zakat (PBMZ) dari perspektif pegawai zakat dan penerima zakat mendedahkan pelbagai senario. Beberapa isu dan cabaran dikenal pasti semasa mengiktiraf potensi program ini untuk mengurangkan kemiskinan dan memupuk keusahawanan Muslim. Halangan utama terletak pada sikap asnaf, yang sering menunjukkan keengganan untuk berusaha dalam mengubah kehidupan mereka dan sebaliknya terlalu bergantung kepada bantuan yang ada.

Perubahan kritikal dalam pemikiran adalah penting dalam kalangan asnaf. Mereka harus diberi galakkan untuk menghargai peluang yang disediakan oleh program dan fokus pada mengembangkan perniagaan secara aktif. Menangani isu asas ini adalah penting untuk perubahan dalam minda asnaf. Asnaf harus digalakkan untuk menghargai peluang yang disediakan, memberi tumpuan kepada langkah proaktif untuk mengembangkan perniagaan mereka, dan bertanggungjawab untuk kejayaan sendiri. Selain itu, penerima harus menghargai peluang yang diberikan dan menumpukan perhatian untuk mengembangkan perniagaan daripada menyalahkan kegagalan mereka. Umum mengetahui bahawa mempunyai rekod kewangan yang betul mungkin dapat memastikan pemilik perniagaan menjejaki prestasi perniagaan mereka. Ini agak kurang bagi penerima yang perlu diberi perhatian sewajarnya. Mempunyai rekod kewangan yang betul akan memberikan pemilik perniagaan situasi sebenar kedudukan kewangan dan seterusnya dapat meyakinkan bakal pelabur atau untuk memudahkan kelulusan pinjaman jika ingin mengembangkan perniagaan.

Bagi institusi zakat, pujian wajar diberikan atas usaha mentransformasi kehidupan asnaf melalui PBMZ. Terdapat banyak kejayaan tersembunyi penerima di bawah PBMZ yang belum didedahkan kepada umum. Walaupun dengan struktur program yang hebat, pemantauan berterusan adalah satu kemestian untuk memastikan penerima di bawah PBMZ dapat berjaya dalam perniagaan mereka. Usaha kini perlu diarahkan untuk mengadakan program pemantauan berstruktur, seperti latihan berterusan untuk memastikan penerima mengikuti perubahan landskap perniagaan. Sebagai contoh, semasa wabak COVID-19 yang mengakibatkan pendigitalan perniagaan dalam setiap sektor. Walaupun dengan cabaran yang dihuraikan di atas, PBMZ tanpa ragu-ragu adalah salah satu alat yang ampuh untuk melahirkan lebih ramai usahawan Muslim yang berjaya. Dengan penambahbaikan kelemahan sedia ada dan sokongan daripada penerima sendiri, objektif PBMZ dapat dicapai dan seterusnya membantu memerangi isu kemiskinan.

Secara ringkasnya, PBMZ kekal sebagai alat yang mujarab untuk memupuk usahawan Muslim yang berjaya walaupun terdapat banyak cabaran. Penambahbaikan kelemahan sedia ada, ditambah dengan sokongan berterusan daripada kedua-dua pegawai dan penerima zakat, dikenal pasti sebagai penting untuk mencapai objektif program dan menyumbang kepada matlamat yang lebih luas untuk membasmi kemiskinan.

## 6. PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih atas bantuan kewangan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2021/SS01/UMT/02/7).

## RUJUKAN

- Abai, D. S. A., Awang, M. D., Yusoff, A. N. M., Majid, A. A., & Hamli, H. (2020). Bentuk bantuan modal agihan zakat asnaf dan pencapaian usahawan asnaf di Malaysia: Kajian empirikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 93-99. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i1.353>.
- Abdullah, M., & Sapiei, N. S. (2018). Do religiosity, gender and educational background influence zakat compliance? The case of Malaysia. *International Journal of Social Economics*, 45(8), 1250-1264. <https://doi.org/10.1108/IJSE-03-2017-0091>.
- Adnan, N. I. M., Kashim, M. I. A. M., Hamat, Z., Adnan, H. M., Adnan, I. M., & Sham, F. M. (2019a). The potential for implementing microfinancing from the zakat fund in Malaysia. *Humanities and Social Sciences Reviews*, 7(4), 542-548. <https://doi.org/10.18510/hssr.2019.7473>.
- Adnan, N. I. M., Kashim, M. I. A. M., Salleh, A. D., Jamsari, E. A., Ahmad, M. Y., & Rahman, N. I. A. (2019b). Sustainability of zakah distribution in baitul mal Aceh: Basic and implementation methods. *International Journal of Academic Research In Business And Social Sciences*, 9(1), 554-562. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v9-i1/5457>.
- Adnan, N. I. M., Roselam, M. A. C., Hamat, Z., & Furqani, H. (2021). The distribution of zakat fund to the poor entrepreneurs using micro finance. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(2), 231-240. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i2/8666>.
- Ahmed, B. O., Johari, F., & Abdul Wahab, K. (2017). Identifying the poor and the needy among the beneficiaries of zakat: Need for a zakat-based poverty threshold in Nigeria. *International Journal of Social Economics*, 44(4), 446-458. <https://doi.org/10.1108/IJSE-09-2015-0234>.
- Alam, A., Sari, D., & Hakim, L. (2022). The impact of productive zakat program on the economy of zakat recipients: Study in Baznas Surakarta. *Journal of Islamic Economics and Finance Studies*, 3(2), 88-101. <https://doi.org/10.47700/jiefes.v3i2.4774>.
- Aziz, Y., Mansor, F., Waqar, S., & Haji Abdullah, L. (2020). The nexus between zakat and poverty reduction, is the effective utilization of zakat necessary for achieving SDGs: A multidimensional poverty index approach. *Asian Social Work and Policy Review*, 14(3), 235-247. <https://doi.org/10.1111/aswp.12212>.
- Bahri, E. S., & Arif, Z. (2020). Policy analysis of zakat profession in Indonesia. *Test Engineering and Management*, 83, 29059-29067. <https://shorturl.at/dxJQR>.
- Botreau, H., & Cohen, M. J. (2020). Gender inequality and food insecurity: A dozen years after the food price crisis, rural women still bear the brunt of poverty and hunger. Dlm. M. J. Cohen (Ed.), *Advances in Food Security and Sustainability* (Vol. 5, pp. 53-117). San Diego, CA, United States: Elsevier. <https://doi.org/10.1016/bs.af2s.2020.09.001>.
- Chu, C., Bin, S., Yang, H., Zheng, M., & Li, B. (2020). Emotional competence, entrepreneurial self-efficacy, and entrepreneurial intention: A study based on China college students' social entrepreneurship project. *Frontiers in Psychology*, 11. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.547627>.
- Choudhury, M.A., & Harahap, S. S. (2009). Complementing community, business and microenterprise by the islamic epistemological methodology: A case study of Indonesia. *International journal of Islamic and Middle Eastern finance and management*, 2(2), 139-159. <https://doi.org/10.1108/17538390910965158>.
- Dewi, M. K., Manochin, M., & Belal, A. (2019). Towards a conceptual framework of beneficiary accountability by ngos: An Indonesian case study. *Critical Perspectives on Accounting*, 80(1), 102130-102145. <https://doi.org/10.1016/j.cpa.2019.102130>.

- Din, N. M., Ismail, M., Muhammad, M. Z., Rosdi, M. S. M., & Mahmood, T. M. A. T. (2019). Asnaf's contribution through asnaf entrepreneurship program: Turning over model issues. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(9), 773-781. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v9-i9/6369>.
- Djaghballou, C. E., Djaghballou, M., Larbani, M., & Mohamad, A. (2018). Efficiency and productivity performance of zakat funds in Algeria. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 11(3), 474-494. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-07-2017-0185>.
- Fadil, S. M. S., Daud, M. Z., & Jamaludin, M. H. (2022). Qada zakat: Suatu perbincangan menurut hukum syarak. *Jurnal Fiqh*, 19(1), 49-82. <https://doi.org/10.22452/fiqh.voll9no1.3>.
- Farrukh, M., Lee, J. W. C., Sajid, M., & Waheed, A. (2019). Entrepreneurial intentions: The role of individualism and collectivism in perspective of theory of planned behaviour. *Education+ Training*, 61(7/8), 984-1000. <https://doi.org/10.1108/ET-09-2018-0194>.
- Ghaderi, Z., Hall, C. M., Scott, N., & Béal, L. (2020). Islamic beliefs and host-guest relationships in Iran. *International Journal of Hospitality Management*, 90(4), 1-8. <https://doi.org/10.1016/j.ijhm.2020.102603>.
- Halim, H. A., Said, J., & Yusuf, S. N. S. (2012). Individual characteristics of the successful asnaf entrepreneurs: Opportunities and solutions for zakat organization in Malaysia. *International Business and Management*, 4(2), 41-49. <https://doi.org/10.3968/j.ibm.1923842820120402.1040>.
- Hambari, H., Arif, A. A., & Zaim, M. A. (2020). The role of zakat institution in facing Covid-19. Dlm. *Indonesian Conference of Zakat-Proceedings* (119-126). Semarang, Indonesia: BAZNAS Indonesia. <https://doi.org/10.37706/iconz.2020.225>.
- Harun, N. F., & Rahman, A. A. (2021). Zakah distribution for the purpose of capital assistance at zakah institutions in Malaysia: An exploratory study. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 298-306. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.630>.
- Hassan, N. M. (2015). Do capital assistance programs by zakat institutions help the poor?. *Procedia Economics and Finance*, 31, 551-562. [https://doi.org/10.1016/S2212-5671\(15\)01201-0](https://doi.org/10.1016/S2212-5671(15)01201-0).
- Hassan, N. M., & Rom, N. A. M. (2016). Mobile entrepreneur program by zakat institution: An exploratory study. *The Social Sciences*, 11, 7494-7497. Diperolehi daripada <https://shorturl.at/huFN8>.
- Ibn Kathīr, A. F. I. (1999). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Jil. 8. Riyadh, KSA: Dar al-Tayyibah.
- Islam, M. K., Mitu, S. T., Munshi, R., & Khanam, R. (2023). Perceptions about the common malpractice of zakat paying in Bangladesh during covid-19 pandemic: Evidence from the supply side. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 14(3), 361-378. <https://doi.org/10.1108/JIABR-09-2021-0253>.
- Kroll, C., Warchold, A., & Pradhan, P. (2019). Sustainable Development Goals (SDGs): Are we successful in turning trade-offs into synergies? *Palgrave Communications*, 5(1). Diperolehi daripada <https://shorturl.at/bdzAE>.
- Liu, X., Lin, C., Zhao, G., & Zhao, D. (2019). Research on the effects of entrepreneurial education and entrepreneurial self-efficacy on college students' entrepreneurial intention. *Frontiers in Psychology*, 10, 1-9. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.00869>.
- Mahmood, T. M. A. T., Mamun, A. A., & Ibrahim, M. D. (2020). Attitude towards entrepreneurship: A study among asnaf millennials in Malaysia. *Asia Pacific Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 14(1), 2-14. <https://doi.org/10.1108/APJIE-06-2019-0044>.

- Mahmood, T. M. A. T., Din, N. M., Al Mamun, A., & Ibrahim, M. D. (2021). Issues and challenges of zakat institutions achieving maqasid syariah in Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat and Social Finance*, 2(1), 119-137. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol2no1.46>.
- Martiana, A., Panena, Z. C. N., & Fuadi, N. F. Z. (2022). Pro-Poor capital assistance: A strategic analysis of Baitul Maal Wat Tamwil (BMT) microfinance. *Al-Uqud: Journal of Islamic Economics*, 6(1), 1-16. <https://doi.org/10.26740/aluqud.v6n1.p1-13>.
- Mayer-Foulkes, D., Serván-Mori, E., & Nigenda, G. (2021). The sustainable development goals and technological capacity. *Revista Panamericana De Salud Pública*, 45(81). <https://doi.org/10.26633/RPSP.2021.81>.
- Mustafida, R., Kurnia, Z. N., Fauziah, N. N., Subri, N. S. B., & Faiz, F. A. B. A. (2020). The implementation of maqashid syariah in zakat institution: Comparison between Indonesia and Malaysia. *Jurnal Ekonomi and Bisnis Islam (Journal of Islamic Economics and Business)*, 6(2), 337-359. Diperolehi daripada <https://shorturl.at/jryGS>.
- Nadzri, F. A. A., Omar, N., & Rahman, R. A. (2017). Micro financing: accountability and financial management practices of micro entrepreneurs. *Indian Journal of Science and Technology*, 10(15), 1-14. Diperolehi daripada <https://shorturl.at/ijmBS>.
- Pakkan, S., Sudhakar, C., Tripathi, S., & Rao, M. (2023). A correlation study of sustainable development goal (SDG) interactions. *Quality and Quantity*, 57(2), 1937-1956. <https://doi.org/10.1007/s11135-022-01443-4>.
- Ranta, R., Mulrooney, H. M., & Bhakta, D. (2023). Change and innovation in food aid provision in Sussex and Southwest London during the covid-19 pandemic. *British Food Journal*, 125(6), 2037-2052. <https://doi.org/10.1108/BFJ-05-2022-0442>.
- Razali, M., Asmuri, A. N., & Yahaya, M. H. (2021). Concept of asnaf al-gharimin: Practices at Lembaga Zakat Selangor. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 6(SI6), 33-38. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v6iSI6.3038>.
- Ridha, R. N., & Wahyu, B. P. (2017). Entrepreneurship intention in agricultural sector of young generation in Indonesia. *Asia Pacific Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 11(1), 76-89. <https://doi.org/10.1108/APJIE-04-2017-022>.
- Rivera, G. B., Jama, S., Bailey, N., Gordon, N., Bliss-Barsness, C., Caspi, C. E., & Pratt, R. (2023). The lived experience of food pantry users in minnesota: Qualitative findings from a statewide survey. *Journal of Hunger and Environmental Nutrition*, 18(2), 178-191. <https://doi.org/10.1080/19320248.2021.1932663>.
- Rosalina, H. & Bahri, E. (2022). Optimizing disbursement of zakat funds for asnaf entrepreneurs. *Itqan Journal of Islamic Economics Management and Finance*, 1(1), 1-7. <https://doi.org/10.57053/itqan.v1i1.1>.
- Saad, R. A. J., Aziz, N. M. A., & Sawandi, N. (2014). Islamic accountability framework in the zakat funds management. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 164, 508-515. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.11.139>.
- Saripudin, U., Djamil, F., & Rodoni, A. (2020). The zakat, infaq, and alms farmer economic empowerment model. *Library Philosophy and Practice*, 1-13. Diperolehi daripada <https://shorturl.at/bcLU9>.
- Shaharuddin, S. A., Abd Hamid, Z., & Sungit, F. (2017). The converts and zakat distribution in state of Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(1), 83-93. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v2i1.28>.
- Sharma, G. & Lijuan, W. (2015). The effects of online service quality of e-commerce websites on user satisfaction. *The Electronic Library*, 33(3), 468-485. <https://doi.org/10.1108/el-10-2013-0193>.

- Shiyuti, H. A., & Al-Habshi, S. M. (2018, November). An overview of asnaf entrepreneurship program by Lembaga Zakat Selangor, Malaysia. Dlm. *6th ASEAN Universities International Conference on Islamic Finance (AICIF)*, Manila, Philippines. <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3299107>.
- Triatmo, A. W., Karsidi, R., Kartono, D. T., & Suwanto, S. (2020). The Inefficiency of zakat management in BAZNAS Sragen Indonesia. *Afkaruna: Indonesian Interdisciplinary Journal of Islamic Studies*, 16(2), 209-227. <https://doi.org/10.18196/AIJIS.2020.0121.209-227>.
- Tucker, C. E., & Zhang, J. (2011). How does popularity information affect choices? A field experiment. *Management Science*, 57(5), 828-842. <https://doi.org/10.1287/mnsc.1110.1312>.
- Wahyuni-TD, I. S., Haron, H., & Fernando, Y. (2021). The effects of good governance and fraud prevention on performance of the zakat institutions in Indonesia: A shari'ah forensic accounting perspective. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 14(4), 692-712. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-03-2019-0089>.
- Widiastuti, T., Auwalin, I., Rani, L. N., & Ubaidillah Al Mustofa, M. (2021). A mediating effect of business growth on zakat empowerment program and mustahiq's welfare. *Cogent Business and Management*, 8(1), 1882039. <https://doi.org/10.1080/23311975.2021.1882039>.
- Widiastuti, T., Cahyono, E. F., Zulaikha, S., Mawardi, I., & Mustofa, M. (2021). Optimizing zakat governance in East Java using Analytical Network Process (ANP): The role of zakat technology (zakatech). *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 12(3), 301-319. <https://doi.org/10.1108/jiabr-09-2020-0307>.
- Zaremohzzabieh, Z., Ahrari, S., Krauss, S. E., Samah, A. A., Meng, L. K., & Ariffin, Z. (2019). Predicting social entrepreneurial intention: A Meta-Analytic Path Analysis based on the theory of planned behavior. *Journal of Business Research*, 96, 264-276. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2018.11.030>.
- Zhang, W., Sun, L., Wang, X., & Wu, A. (2022). The influence of AI word-of-mouth system on consumers' purchase behaviour: The mediating effect of risk perception. *Systems Research and Behavioral Science*, 39(3), 516-530. <https://doi.org/10.1002/sres.2871>.
- Zulkifli, M. F., Taha, R., Mohd Nor, M. N., & Ali, A. (2021). Combating poverty in Malaysia: The role of zakat. *The Journal of Asian Finance, Economics and Business*, 8(5), 505-513. <https://doi.org/10.13106/jafeb.2021.vol8.no5.0505>.

### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

